



MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG
PENDAFTARAN KONTRAKTOR BAGI KUTIPAN SISA PUKAL

1. Majlis Perbandaran Manjung (MPM) ingin mempelawa mana-mana kontraktor yang berkelayakan untuk mendaftar dengan MPM sebagai panel kontraktor kutipan sisa pukal. Permohonan boleh dikemukakan melalui Borang Pendaftaran Kontraktor Sisa Pukal yang boleh diperolehi di Kaunter Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran, MPM. Borang permohonan yang lengkap berserta dokumen sokongan hendaklah dihantar ke Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran, MPM seperti berikut:-

RUJUKAN FAIL	BUTIRAN KERJA	KELAYAKAN KONTRAKTOR / SYARIKAT	TARIKH HANTAR DAN TUTUP CADANGAN PELAKSANAAN
MPM JKPB T 2/2017	Cadangan Pelaksanaan Kerja-Kerja Kutipan Sampah Pukal untuk Majlis Perbandaran Manjung - Sisa Pukal Tidak termasuk sisa binaan, sisa berjadual dan sisa-sisa lain	(Bumiputera) 221003 (Mengangkat Sampah)	<u>DARI TARIKH</u> 28 Ogos 2017 <u>HINGGA</u> 08 September 2017 (12.00 tengahari) <u>TEMPAT</u> Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran Majlis Perbandaran Manjung, <u>WAKTU URUSAN</u> Isnin – Khamis 08:15 pagi – 01:00 petang 02:00 petang – 4:15 petang Jumaat 08:15 pagi – 12:15 tengahari 02:45 petang – 4:15 petang

2. Kontraktor yang dilantik akan disenaraikan sebagai "Panel Kontraktor Kutipan Sisa Pukal" untuk memberi perkhidmatan kepada kawasan dan aktiviti yang tidak menerima perkhidmatan kutipan sisa pukal MPM.

3. Tempoh sahlaku pendaftaran kontraktor adalah satu (1) tahun saja dan pembaharuan adalah mengikut prestasi perkhidmatan dan bayaran yang akan dikenakan untuk pembaharuan adalah RM100.00. Permohonan pembaharuan perlu dilakukan tiga (3) bulan sebelum tamat sahlaku tempoh pendaftaran dengan menggunakan borang dan format yang ditetapkan.

4. Pihak Majlis berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan serta membatalkan proses pendaftaran ini dan menolak kesemua permohonan tanpa menanggung sebarang liabiliti bagi permohonan yang terlibat atau menyatakan sebab musababnya. Sebarang permohonan untuk mengubah maklumat selepas penyerahan borang pendaftaran hendaklah dibuat secara bertulis dan tertakluk kepada kebenaran Majlis. Pihak Majlis berhak menambah/meminda/membatalkan sebarang syarat atau peraturan tanpa sebarang pemakluman awal.

SETIAUSAHA,
b.p. YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG,
PERAK DARUL RIDZUAN.